



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPLORASI METAFORA DALAM ISU KESEPADUAN SOSIAL MELALUI CATAN 'REALISME'

AMIRA ATHIRAH BT AMRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



EKSPLORASI METAFORA DALAM ISU KESEPADUAN SOSIAL MELALUI
CATAN 'REALISME'

AMIRA ATHIRAH BT AMRI



LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN

A202

JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum terbit atau diserahkan kepada mana-mana pihak.

Tandatangan :

Tarikh :

Nama : Amira Athirah binti Amri

No Matrik : D20202096756

PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah di semak oleh:

Nama penyelia : : PROFESOR MADYA DR YAKUP MOHD RAFEE

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

Diterima penghantaran oleh:

Nama penyelaras : DR. NOR SYAZWANI BINTI MAT SALLEH

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim...

“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin melafazkan setinggi-tinggi rasa syukur yang tidak terhingga ke atas hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua saya dapat menghasilkan penulisan kajian saya iaitu Eksplorasi Metafora dalam Isu Kesepaduan Sosial melalui Catan ‘Realisme’ dengan jayanya.

Jutaan terima kasih juga yang tidak terhingga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Yakup Bin Mohd Rafee selaku Penyelaras Projek Tahun Akhir kali ini atas usaha dalam mengurus dan menjayakan kursus ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada mak dan ayah dan ahli keluarga yang menjadi tulang belakang ketika kajian ini dijalankan. Buat rakan seperjuangan, vaneessa Nora dan nurfarhani, terima kasih atas segala bantuan dan motivasi sepanjang kita menjadi rakan studio.

Saya ingin juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas perbincangan serta perkongsian idea, sokongan dan bantuan yang membina dalam pelaksanaan tugas ini. Semoga Allah menerima amal baik kita semua.





EKSPLORASI METAFORA DALAM ISU KESEPADUAN SOSIAL

MELALUI CATAN “REALIME”

ABSTRAK

Kajian ini meneliti eksplorasi terhadap metafora isu kesepaduan sosial melalui lukisan realisme, dengan laksa dijadikan sebagai subjek utama. "Mangkuk Laksa Nusantara" merupakan lukisan minyak yang menggambarkan tujuh mangkuk laksa pelbagai warna yang disusun di atas tikar mengkuang. Setiap mangkuk mewakili negeri di Malaysia melalui penggunaan warna bendera negeri. Walaupun laksa dalam setiap mangkuk adalah sama, rasa dan penyediaannya berbeza, mencerminkan kepelbagaian budaya dan identiti masakan yang unik bagi setiap negara. Tikar mengkuang yang menjadi dasar mangkuk ini melambangkan prinsip tradisi dan warisan yang menyatukan kepelbagaian. Gabungan warna bendera negeri dan variasi laksa berfungsi sebagai metafora visual untuk kesepaduan sosial dalam konteks berbilang kaum dan budaya Malaysia. Ia menunjukkan bagaimana perbezaan kita boleh disatukan dalam satu pengalaman yang harmoni dan memuaskan. Karya ini mengangkat tema perpaduan dalam kepelbagaian, mengingatkan kita tentang kepentingan menerima dan menghargai keunikan setiap elemen dalam masyarakat kita. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa seni catan realisme dapat digunakan sebagai medium yang mampu untuk menyampaikan mesej sosial yang mendalam khususnya mengenai pentingnya penerimaan dan penghayatan kepelbagaian dalam mencapai kesepaduan sosial. Dengan demikian, karya ini dihasilkan adalah bertujuan memberi gambaran karya yang menggunakan metafora melalui catan iaitu memberi gambaran tentang isu kesepaduan sosial yang terdapat di Malaysia melalui hidangan pelbagai jenis laksa. Karya ini dihasilkan dengan menggunakan dua kanvas yang berukuran 2 kaki x 3 kaki untuk satu canvas dan dua kanvas itu dicantumkan menjadi satu karya.

Kata Kunci : Metafora, Isu Kesepaduan Sosial, Catan “Realisme”



METAPHOR EXPLORATION IN THE ISSUES OF SOCIAL COHESION THROUGH "REALISME" PAINT

ABSTRACT

This study examines the exploration of the metaphor of social cohesion issues through realisme painting, with laksa as the main subject. "Mangkuk Laksa Nusantara" is an oil painting depicting seven laksa bowls of various colors arranged on a mengkuang mat. Each bowl represents a state in Malaysia through the use of the colors of the state flag. Although the laksa in each bowl is the same, the taste and preparation are different, reflecting the cultural diversity and culinary identity unique to each country. unite diversity. The combination of state flag colors and laksa variations serves as a visual metaphor for social cohesion in the multi-racial and cultural context of Malaysia. It shows how our differences can be brought together in one harmonious and satisfying experience. This work raises the theme of unity in diversity, reminding us of the importance of accepting and appreciating the uniqueness of each element in our society. The results of this study show that the art of realisme can be used as a medium capable of conveying a profound social message, especially regarding the importance of accepting and appreciating diversity in achieving social cohesion. Thus, this work is produced with the aim of giving an impression of a work that uses metaphor through painting, which is to give an idea of the issue of social cohesion found in Malaysia through the serving of various types of laksa. This work is produced by using two canvases measuring 2 feet x 3 feet for one canvas and the two canvases are joined into one work.

Keywords: Metaphor, Social Cohesion Issues, "Realisme"

**SENARAI GAMBAR**

BIL	TAJUK GAMBAR	HALAMAN
Gambar 1	Garis Panduan	7
Gambar 2	Kerangka Konseptual	10
Gambar 3	Empat Kawan, 1964	11
Gambar 4	Kapal Kertas, 1966	12
Gambar 5	Memetik Daun Tembakau Di Kelantan, 1962	13
Gambar 6	Ismail Mat Hussin	17
Gambar 7	Karya Durian Seller, 2000	18
Gambar 8	Dzulkifli Buyong	19
Gambar 9	Kapal Kertas, 1966	20
Gambar 10	Chuah Thean Teng	21
Gambar 11	Perairan Pulau Pinang, 1952	22
Gambar 12	Tjalf Sparnaay	23
Gambar 13	Big Burger, 2015	24
Gambar 14	Joel Penkman	25
Gambar 15	Gummy Bear, 2019	26
Gambar 16	Kerangka Kreatif Pengkajian	29
Gambar 17	Lakaran Komposisi 1	30
Gambar 18	Lakaran Komposisi 2	30





Gambar 19	Lakaran Komposisi 3	31
Gambar 20	Kajian Warna 1	31
Gambar 21	Kajian Warna 2	32
Gambar 22	Kajian Warna 3	33
Gambar 23	Laksam Kelantan (Laksa Pantai Timur)	38
Gambar 24	Laksa Putih Terengganu (Laksa Pantai Timur)	38
Gambar 25	Laksa Penang (Laksa Utara)	39
Gambar 26	Asam Laksa Kedah (Laksa Utara)	39
Gambar 27	Laksa Baba Nyonya Melaka (Cina Peranakan)	40
Gambar 28	Laksa Sarawak (Laksa Cina Peranakan)	41
Gambar 29	Laksa Johor	42
Gambar 30	Lakaran 1	42
Gambar 31	Lakaran 2	42
Gambar 32	Lakaran 3	43
Gambar 33	Lakaran 4	43
Gambar 34	Lakaran 5	43
Gambar 35	Lakaran 6	43
Gambar 36	Lakaran 7	43
Gambar 37	Cat Minyak Jenama Winsor & Newton	47
Gambar 38	Minyak Linseed	48
Gambar 39	Berus Rata	48



Gambar 40	Turpentine	48
Gambar 41	Pisau Palet	48
Gambar 42	Akrtilik Palet	48
Gambar 43	Kanvas	48
Gambar 44	Penyediaan Karvas	49
Gambar 45	Proses Melakar	50
Gambar 46	Proses Menyapu Warna Base	50
Gambar 47	Proses Mewarna	51
Gambar 48	Proses Detailing	51
Gambar 49	Karya Siap Dipamirkan	52
Gambar 50	Karya Bersama Supervisor	52
Gambar 51	Karya Mangkuk Laksa Nusantara	58
Gambar 52	Cream Crackers ,2011	68

SENARAI JADUAL

BIL	TAJUK JADUAL	HALAMAN
Jadual 1	Penerangan Dan Justifikasi Karya “Durian Seller, 2000”	18
Jadual 2	Penerangan Dan Justifikasi Karya “Kapal Kertas, 1966”	20
Jadual 3	Penerangan dan justifikasi karya “Perairan Pulau Pinang,1952”	22
Jadual 4	Penerangan dan justifikasi karya “Big Burger, 2015”	24
Jadual 5	Penerangan dan justifikasi karya “Gummy Bear, 2019”	26

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENGHANTARAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
SENARAI GAMBAR	vi
SENARAI JADUAL	ix
KANDUNGAN	x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Garis Panduan	7
1.6	Limitasi Kajian	7
1.7	Signifikasi Kajian	8

1.8	Kerangka Konseptual	10
1.9	Tinjauan Karya Terdahulu	11
1.10	Rumusan	14

BAB 2 KONTEKS

2.0	Pengenalan	15
2.1	Teori	15
2.1.1	Teori Kreatif Laura H. Chapman	16
2.2	Artis Rujukan	17
2.2.1	Ismail Mat Hussin	17
2.2.2	Dzulkifli Buyong	19
2.2.3	Chuah Thean Teng	21
2.2.4	Tjalf Sparnaay	23
2.2.5	Joel Penkman	25
2.3	Rumusan	27

BAB 3 MOTODOLOGI

3.0	Pengenalan	28
3.1	Kerangka Proses Kreatif Pengkajian	29
3.2	Eksperimen Praktikal Studio	29

3.2.1	Komposisi	30
3.2.2	Praktikal Studio	31
3.2.3	Refleksi Kendiri	33
3.3	Kajian Studio	36
3.3.1	Penjanaan Idea	36
3.3.1.1	Laksa Pantai Timur	37
3.3.1.2	Laksa Utara	38
3.3.1.3	Laksa Cina Peranakan	40
3.3.1.4	Laksa Johor	41
3.3.2	Pengolahan Dan Pemurnian atau Perbaikan	42
3.3.2.1	Lakaran Idea	42
3.3.2.2	Komposisi dan Kajian Warna	44
3.3.2.2.1	Komposisi	44
3.3.2.2.2	Kajian Warna	45
3.3.3	Kemahiran Menggunakan Bahan	46
3.4	Proses Kreatif (Proses Penghasilan)	49
3.5	Rumusan	53

BAB 4 ANALISIS VISUAL

4.0	Pengenalan	54
4.1	Kajian Visual dan Analisis	55
4.1.1	Kajian Visual Mengenai Persoalan Objektif Kajian	55
4.1.2	Kajian Visual dan Analisi pada Karya	58
4.1.2.1	Deskripsi	59
4.1.2.2	Analisis	59
4.1.2.3	Interpretasi	60
4.1.2.4	Pertimbangan	61

4.2	Rumusan	63
-----	---------	----

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	64
5.1	Perbincangan	65
5.1.1	Penggunaan Teori	65
5.1.2	Penggunaan Artis Rujukan	66
5.1.3	Pemilihan Hal Benda	68
5.1.4	Karya	70
5.2	Impak Karya Kepada Pendidikan	71

5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	72
5.4	Kesimpulan	73
BIBLIOGRAFI		75



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian eksplorasi metafora dalam isu kesepaduan sosial melalui catan realisme adalah suatu cara yang menarik untuk menganalisis hubungan antara seni visual dan realiti sosial. Kajian ini melihat bagaimana seniman menggunakan metafora visual dalam karya mereka untuk merentasi atau mencerminkan isu kesepaduan sosial.

Dalam konteks catan gaya realisme, kebanyakan seniman lebih setia dalam penggunaan teknik bentuk, warna dan rupa objek atau subjek dalam catan realistik. Walau bagaimanapun, disebalik seni halus ini, terdapat pelbagai makna yang disampaikan melalui penggunaan metafora visual. Metafora ini mungkin dapat membantu pengkaji dalam membuka ruang selidik dengan lebih mendalam tentang isu-isu masyarakat yang kompleks seperti isu kesepaduan sosial.



Sebagai contoh, seorang pelukis realis menggambarkan suasana pasar malam yang dipenuhi dengan masyarakat berbilang kaum. Melalui penyusunan komposisi, pemilihan warna dan ekspresi perwatakan dalam karya itu, seniman dapat menyampaikan metafora tentang isu kesepaduan sosial. Kemungkinan terdapat bahagian yang dikontrakan seperti penggambaran silaturahmi antara warga berlainan etnik, iaitu kontras yg disengajakan bagi menyinari ketegangan atau konflik yang wujud di dalam masyarakat.

Kajian eksplorasi metafora dalam seni realisme merangkumi kedua-dua estetika visual dan konteks sosial dalam perpaduan di mana karya seni itu terhasil. Pengkaji boleh timbulkan pertanyaan yang mendalam tentang bagaimana seni visual boleh mempengaruhi persepsi dan pemahaman masyarakat tentang isu sosial yang penting seperti harmoni sosial, kepelbagaian budaya dan kesepaduan etnik.

1.1. Latar Belakang Kajian

Metafora dalam seni ialah penggunaan elemen visual atau gambaran dalam menyampaikan pesan atau makna yang lebih mendalam melalui penggunaan simbolisme atau gambaran simbolik. Dalam seni visual, metafora sering digunakan untuk menggambarkan idea yang emosi, abstrak, atau kompleks dengan menggunakan gambaran yang boleh difahami oleh audien. Sebagai contoh, seorang seniman menggunakan bunga yang mati bagi menggambarkan kematian atau kekosongan dalam lukisan. Meskipun bunga itu adalah objek nyata, namun ia boleh digunakan dalam karya sebagai metafora untuk menggambarkan perasaan kehilangan atau kekosongan.

Penggunaan metafora dalam seni mempunyai pelbagai cara, termasuk komposisi, penggunaan warna, bentuk dan elemen visual lain. Tujuan dalam penggunaan elemen ini ialah untuk menambah lapisan makna atau interpretasi karya seni secara lebih mendalam. Hal ini sering kali mendorong para audiens untuk merenung atau menghayati mesej yang ingin disampaikan oleh seniman.

Bahasa Dan Pustaka (2021) menjelaskan bahawa istilah metafora adalah bermaksud pemakaian katakata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa ataupun makna yang sebenar sebagai perbandingan, kiasan atau perlambangan. Dengan itu, jelas membuktikan penggunaan subjek metafora dapat membantu pengkaji dalam memberi satu perlambangan kepada satu naratif penceritaan suatu perkara dengan menggunakan subjek visual yang sesuai dengan konteks atau tema yang hendak disampaikan dengan lebih kreatif (W. Mohd Apendi & Yan Ibrahim, 2018).

Isu kesepaduan sosial ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti hubungan antara individu dan kelompok serta kaedah masyarakat menangani pelbagai jenis kepelbagaian termasuklah agama, budaya dan etnik. Oleh itu, ia dianggap penting kerana kesepaduan sosial ini dapat menyumbang kepada stabilitas, harmoni dan kesejahteraan sosial dalam sesuatu masyarakat. Dalam konteks seni, seni boleh memperkuat dan memperjuangkan kesepaduan sosial dengan mengangkat isu-isu seperti keagamaan, inklusi dan toleransi. Seni boleh dijadikan sebagai alat yang mempunyai pengaruh kuat dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan kesepaduan sosial dalam masyarakat. Hal ini dapat menunjukkan perspektif yang positif tentang kerjasama dan persatuan.

Seni realisme merupakan jenis seni yang bertujuan untuk menggambarkan dunia sekitar secara tepat tanpa ada yang berubah. Cara seniman realisme menggambarkan subjek secara detail pada karya ialah dengan perlu mengambil kira semua aspek seperti komposisi, cahaya dan bayang serta campuran warna. Realisme boleh menggambarkan konflik, ketegangan atau kelainan antara pelbagai kelompok dalam masyarakat seperti etnik, kelas sosial atau agama dalam konteks kesepaduan sosial. Dalam realisme, metafora boleh digunakan untuk menerangkan semangat kompleks disebalik isu-isu sosial dalam karya.

1.2. Permasalahan Kajian

Karya realisme merupakan antara karya yang disukai oleh audiens kerana karya itu menggambarkan dunia dengan cara yang sangat nyata. Akan tetapi disebabkan penyalahgunaan dalam metafora, ia menyukarkan audiens untuk tafsir mesej apa yang hendak disampaikan. Ini merupakan salah satu permasalahan yang pengkaji petik dari penulisan Florence Ivy Anak Kanan yang bertajuk Analisis Metafora Dalam Penghasilan Karya Kritikan Sosial Oleh Zulkifli Yusof pada tahun 2017. Dalam penulisan ini menceritakan tentang mengenalpasti tentang penggunaan metafora oleh seniman Zulkifli Yusoff yang berbentuk sindiran dalam karya. Di situ boleh ditafsirkan bahawa betapa pentingnya penggunaan metafora dalam karya.

Antara permasalahan yang dihadapi dalam penghayatan metafora pada karya ialah keterbatasan interpretasi. Oleh kerana karya seni realisme mungkin terlalu berpusat pada realistik menyebabkan ia menjadi kurang jelas dalam penggunaan metafora. Penggunaan metafora boleh menjadi sukar untuk difahami oleh sesetengah

audiens. Ia juga boleh menyebabkan mesej yang ingin disampaikan oleh seniman tidak dihargai oleh audiens.

Permasalahan kedua ialah risiko distorsi makna. Penggunaan metafora dalam seni realisme boleh menyebabkan makna yang ingin disampaikan diubah atau disalah tafsirkan. Metafora boleh mengaburkan makna asal karya dan boleh juga menjadi tidak jelas jika digunakan dengan salah. Permasalahan ketiga ialah keseimbangan antara realisme dan metafora. Seniman mungkin menghadapi masalah untuk mengekalkan keseimbangan yang tepat antara penggunaan realisme yang kuat dan metafora yang tepat. Terlalu banyak realisme boleh mengaburkan metafora, manakala terlalu banyak metafora boleh mengurangkan kekuatan visual dan tafsiran karya.

Permasalahan seterusnya ialah keterbatasan ekspresi iaitu dalam seni realisme, penggunaan metafora mungkin menjadi kesukaran dalam menyatakan secara jelas beberapa isu kesepaduan sosial. Hal ini mungkin disebabkan oleh kerumitan masalah itu atau hakikat bahawa ekspresi visual realistik mempunyai batasan. Akhir sekali ialah masalah keterbacaan universal. Kebanyakan karya seni realisme yang menggunakan metafora tidak selalu difahami oleh semua audiens, terutamanya mereka yang kurang terbiasa dengan bahasa visual. Hal ini boleh menyebabkan karya kurang berkesan dalam menyebarkan mesej tentang isu kesepaduan sosial kepada semua orang.

Untuk memastikan mesej tentang isu-isu kesepaduan sosial dapat disampaikan dengan jelas dan kuat kepada audiens dari pelbagai latar belakang dan tahap pemahaman, seniman perlu berusaha untuk menghasilkan karya seni realisme yang menggabungkan metafora dengan baik.

1.3 Objektif Kajian

Objektif yang didapati dalam kajian penyelidikan ini ialah :


- i. Kenalpasti pendekatan metafora dalam konteks karya realisme.
- ii. Menganalisis kaedah penghasilan karya realisme yang mengaplikasikan pendekatan metafora.
- iii. Mengaplikasikan pendekatan metafora melalui karya realisme dalam menyampaikan isu kesepaduan sosial.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap keberkesanan unsur metafora di dalam kesepaduan sosial dengan menggunakan sesuatu isu sosial dalam karya.

- i. Apakah pendekatan metafora dalam konteks karya realisme.
- ii. Bagaimanakah kaedah penghasilan karya realisme yang mengaplikasikan pendekatan metafora.
- iii. Sejauh manakah pendekatan metafora melalui karya realisme dalam menyampaikan isu kesepaduan sosial.

1.5 Garis Panduan



Gambar 1 : Garis Panduan

1.6 Limitasi Kajian

Kajian ini dibuat dalam skop penghayatan dalam penerapan unsur metafora dalam sesebuah karya menggunakan isu keharmonian sosial. Terdapat beberapa batasan yang perlu diberi perhatian ketika mengkaji penerokaan metafora dalam isu kesepaduan sosial melalui seni realisme. Antaranya adalah batasan subjektiviti iaitu cara manusia melihat metafora dalam seni realisme secara berbeza dan bersifat subjektif. Ini membolehkan khalayak mempunyai pendapat yang berbeza dalam memahami metafora yang digunakan dalam karya seni.

Seterusnya ialah kesukaran dalam mencari metafora dalam karya. Tidak semua karya seni realistik menggunakan metafora yang jelas. Beberapa metafora

mungkin sukar untuk difahami jika audiens tidak memahami tentang konteks budaya, sosial atau politik.

Had ekspresi visual juga termasuk dalam batasan kajian. Ini kerana ekspresi visual mestilah tidak menggambarkan isu perpaduan sosial yang kompleks dan pelbagai. Selain itu, terdapat kesukaran untuk mendapatkan data yang relevan untuk kajian penerokaan metafora dalam seni realisme.

Analisis seni memerlukan pemahaman yang mendalam tentang persekitaran budaya, sosial dan sejarah di mana karya itu dicipta. Disebabkan keterbatasan dalam generalisasi, maka hasil kajian penerokaan metafora dalam seni realisme yang agak sukar untuk ditafsirkan kepada masyarakat luas.

Secara keseluruhan, penelitian dalam kajian eksplorasi metafora dalam isu kesepaduan sosial melalui seni realisme perlu berhati-hati dalam menghayati penggunaan metafora dalam karya agar mesej karya boleh menyampaikan mesej dengan baik.

1.7 Signifikasi Kajian

Melalui kajian yang telah dijalankan ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa kepentingan kajian yang boleh diperolehi. Antaranya:



i. Kepentingan sendiri iaitu dapat meningkatkan pemahaman dalam diri secara lebih mendalam seperti dalam catan realisme boleh membantu kita memahami perkara yang lebih rumit seperti kesepaduan sosial. Hal ini juga dapat mengembangkan kreativiti dalam diri. Ianya dapat mempelajari dan menganalisis metafora dalam seni visual boleh membantu diri menjadi lebih kreatif.

ii. Kepentingan kepada pendidikan iaitu pengembangan kemahiran dalam menganalisis seperti murid boleh meningkatkan kemahiran analisis mereka dengan belajar catan realisme yang mengandungi metafora tentang kesepaduan sosial. Mereka meningkatkan pemikiran kritis dengan mempelajari cara melihat disebalik gambar dan mencari mesej atau simbol tersembunyi. Seterusnya ialah dapat meningkatkan stimulasi kreativiti murid seperti mempunyai pemahaman tentang cara penggunaan seniman dalam metafora catan realistik untuk menyampaikan mesej tentang kesepaduan sosial membolehkan murid menjadi lebih kreatif. Hal ini dapat memberi inspirasi kepada murid untuk menghasilkan karya seni mereka sendiri.

iii. Kepentingan kepada artis seni iaitu pembukaan wawasan dan inspirasi seperti seniman boleh memperluaskan lagi pemahaman mereka tentang isu-isu sosial yang berkaitan dengan mengkaji metafora dalam catan realisme tentang kesepaduan sosial. Ini boleh digunakan sebagai inspirasi yang kuat untuk seniman dalam menghasilkan karya seni yang lebih mendalam dan bermakna. Seterusnya ialah pengembangan gaya dan teknik seniman seperti mengetahui cara menggunakan metafora dalam catan realisme untuk menyampaikan pesan tentang kesepaduan sosial boleh membantu seniman mengembangkan gaya dan teknik tersendiri. Mereka berpeluang untuk meneroka pendekatan baharu untuk menyampaikan mesej-mesej yang rumit dan mendalam melalui karya seni mereka.



iv. Kepentingan kepada penggiat seni budaya iaitu penguat identiti budaya seperti penggiat seni budaya boleh memperkuat identiti budaya mereka dengan mempelajari dan mencipta karya seni yang menggambarkan isu-isu kesepaduan sosial. Mereka berupaya untuk menggunakan seni sebagai alat untuk merayakan pelbagai budaya dan mempromosikan inklusi sosial dalam komuniti mereka.

1.8 Kerangka Konseptual



Gambar 2 : Kerangka Konseptual

Berdasarkan gambar diatas merupakan teori- teori yang menyokong kajian ini iaitu teori yang membantu untuk penghayatan dalam mengaplikasikan unsur metafora ke dalam karya catan realisme dengan menggunakan isu kesepaduan sosial. Teori yang terlibat ialah teori model kreatif Laura H. Champman. Kerangka teori ini menunjukkan perhubungan yang membentuk asas keseluruhan konsep kajian yang dijalankan dan ia juga menunjukkan bagaimana teori tersebut boleh membantu dalam kajian ini.

1,9 Tinjauan Karya Terdahulu

i.



Gambar 3 : Empat Kawan, 1964,

<http://intersections.anu.edu.au/issue38/soon.html>

Karya lukisan berkaitan “Empat Kawan” dihasilkan oleh Dzulkifli Buyong. Karya ini menampilkan keadaan nadi elektrik bandar semakin penting sebagai ibu kota baharu Tanah Melayu menjelang 1957. Pengaruhnya terhadap urbaniti menimbulkan daya tarikan pakaian “tempatan”. Lukisan ini menggambarkan lima orang yang kelihatan seolah-olah mereka sedang berbaring di atas sebidang tanah yang dihiasi dengan bunga tulip. Ekspresi wajah mereka yang tenang dan posisi badan mereka yang bebas dan terbuka. Gaya yang digunakan pada karya ini ialah gaya Impressionisme.



ii.



Gambar 4 : Kapal Kertas,1966

<https://dbuyong.blogspot.com/2016/04/karya-dzulkipli-buyong.html>

Karya lukisan berkaitan “Kapal Kertas” ini dihasilkan oleh Dzulkipli Buyong. Karya ini menampilkan suasana budaya tempatan di desa. Karya ini menggunakan gaya Impressionisme.. Komposisi dan pengaturan dalam lukisan ini menampilkan tiga figura kanak-kanak perempuan bermain kapal kertas. Pengaturan ini menunjukkan hubungan mereka dengan alam dan mungkin menggambarkan momen ketenangan atau refleksi. Untuk penggunaan warna pula, terdapat penggunaan latar belakang tanaman hijau memberikan suasana alam yang damai.



iii.



Gambar 5 : Memetik Daun Tembakau di Kelantan, 1962

<https://dokumen.tips/documents/tembakau-56e2f66560e6b.html>

Karya menunjukkan berkaitan “Memetik Daun Tembakau di Kelantan” ini dihasilkan oleh Mohd. Hoessein Enas. Karya ini menggunakan media cat minyak. Karya ini menggunakan gaya realisme. Karya ini menyampaikan cerminan budaya tempatan dalam negara. Melalui pendekatan analisis, karya ini dibuat dengan ketelitian kerana pemelihan warna yang halus. Alunan yang digunakan pada orang itu telah menimbulkan pergerakan pada pergerakan pada figura dalam karya. Menurut pendekatan interpretasi karya pula, mesej yang disampaikan oleh penulis ialah tentang kepentingan ekonomi yang telah diusahakan sejak sekian lama. Pengkaji menggunakan ikonografi orang yang mengutip daun tembakau di lading.

1.10 Rumusan

Melalui bab ini, pengkaji dapat melihat bahawa kajian ini bertujuan untuk mngesplorasikan metafora dalam isu kesepaduan sosial melalui catan gaya realisme. Kajian ini telah memenuhi dari segala aspek objektif dan matlamat kajian serta dapat menjawab persoalan kajian. Selain itu, melalui bab ini juga boleh dilihat bagaimana pengkaji dapat merancang kerangka konseptual sebagai panduan dalam menjalankan kajian penetapan matlamat dan objektif kajian, pembinaan persoalan kajian, signifikan kajian serta limitasi kajian. Justeru itu, pengkaji merumuskan bahawa penghayatan dalam mengaplikasi metafora pada karya sangat perlu dititikberatkan bagi memudahkan seniman menyampaikan mesej kepada audiens dan penggiat seni budaya.